UUM/DA 49/HM/28.08.2005/p: 48 (2).

MAJLIS BERENDOI DI KOLEJ UUM

HM 28/8/05 48: 2

Cuba semarakkan budaya lama

Oleh NORAINON OTHMAN
norainon@hmetro.com.my

ADAT berendoi atau buai bayi sering diadakan masyarakat Melayu dulu sebagai tanda kesyukuran menyambut kehadiran orang baru dalam keluarga mereka.

Pada majlis berendoi, biasanya bacaan al-Quran diperdengarkan, selain berzanji dan marhaban serta acara memotong jambul bayi.

Menyemarakkan budaya lama yang semakin dilupakan, Kolej Kediaman Bukit Kachi 1, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok menganjurkan program 'Dodoi Si Dodoi' di dewan kolej itu, baru-baru ini.

Majlis lebih dua jam itu mendedahkan penuntut mengenai amalan dan adat resam Melayu serta mempelajari ilmu kekeluargaan melalui pelbagai program yang diatur pihak kolej.

Turut diadakan pada majlis itu ialah bacaan al-Quran untuk mendekatkan penuntut dengan Allah.

Felo Penasihat Biro Kebudayaan dan Kesenian Kolej Bukit Kachi 1, UUM, Abdul Razak Abdul Wahab, berkata idea mengadakan acara itu timbul apabila empat felo kolej kediaman itu mendapat cahaya mata dalam tempoh terdekat.

"Dua felo dikurniakan anak sulung, manakala dua felo lagi mendapat anak kedua. Ketika bersembang mengenai kehadiran orang baru, tercetus idea mengapa tidak diadakan acara berendoi untuk meraikan bayi mereka kerana pada masa sama dapat mendedahkan budaya itu kepada penuntut," katanya.

Abdul Razak berkata, program pertama kali diadakan di kolej dan universiti itu dihadiri penghuni Kolej Kediaman Bukit Kachi 1 dan semua pengetua dan felo kolej kediaman UUM.

"Kami jangkakan 100 penuntut akan menjayakan program ini, tetapi yang datang di luar jangkaan apabila 200 penuntut memeriahkan majlis, termasuk bukan Islam," katanya.

Perasmian program disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof Madya Dr Abdul Halim Ahmad yang memotong jambul bayi felo kolej kediaman itu.

Penuntut Fakulti Sains Kuantitatif, Solihah Ahmad, yang mengikuti program itu, berkata selama ini dia biasa melihat orang berzanji dan marhaban, tetapi tidak pernah berpeluang menyaksikan acara berendoi.

"Melalui program itu, saya berpeluang belajar sesuatu yang baru. Di pentas, empat buaian disediakan untuk acara berendoi. Selepas bacaan al-Quran, marhaban dan berzanji, acara paling ditunggu iaitu berendoi dijalankan.

"Sambil bayi diayun dalam buaian, lagu berbentuk nasihat didendangkan diikuti acara mencukur jambul oleh TNC HEP," katanya.

Penuntut Fakulti Pengurusan Teknologi, Izzar Idris, berkata acara berendoi menunjukkan adat dan agama boleh seiring dalam amalan masyarakat Melayu.

"Melalui acara ini, kita dapati orang Melayu tidak terlalu terikat dengan adat tanpa mengira rasionalnya, sebaliknya mereka turut menerapkan unsur agama dan ini lebih sesuai dengan cara hidup kita.

"Selain memberi pendedahan kepada penuntut mengenai adat masyarakat Melayu dulu, acara ini dapat mengeratkan hubungan antara felo dan pengetua dengan penuntut. Program diatur pihak kolej membolehkan kami mempelajari ilmu kekeluargaan.

"Ini kerana biasanya amalan ini hanya dapat diikuti jika dilakukan masyarakat Melayu di kampung atau taman perumahan. Kini kami berpeluang mengikutinya di kolej," katanya.

Penuntut Fakulti Teknologi Maklumat, Nur Fatiha Anuar, berkata dia seronok menghadiri majlis berbentuk budaya warisan Melayu yang jarang diadakan masyarakat kini.

"Acara ini bukan saja menghidupkan kembali amalan masyarakat Melayu dulu, tetapi juga menerapkan amalan agama Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika menyambut kelahiran bayi," katanya.